

23 FEB 1999

SABAH : UNGKAPAN MENARIK MENJELANG PILIHAN RAYA NEGERI

KOTA KINABALU, 23 Feb (Bernama) -- Berikut ialah sebahagian lagi ungkapan menarik oleh pemimpin-pemimpin politik menjelang pilihan raya negeri Sabah.

++ "Saya tidak menyokong Harris. Saya tidak fikir Barisan Nasional boleh menerima orang sepertinya." -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu persidangan berita pada akhir lawatannya ke Sabah Sabtu lepas.

++ "PBS tidak mempunyai sebarang minat untuk membangunkan Sabah. Mereka hanya mahu membalas dendam...mereka menyertai politik untuk membalas dendam." -- Dr Mahathir memberitahu persidangan berita pada akhir lawatannya ke Sabah Sabtu lepas.

++ "Menerusi dasar perkongsian kuasa ini, pucuk pimpinan BN mempunyai hasrat untuk melihat sebuah pentadbiran negeri yang telus, berkesan, terbuka, demokratik, adil dan berasaskan keluhuran undang-undang." -- Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok, mengulas kritikan pihak pembangkang ke atas sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri yang diamalkan oleh kerajaan BN di Sabah.

++ "(Datuk Joseph) Kurup tidak mempunyai kuasa untuk menganugerahkan gelaran 'Anak Keningau' kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad." -- Datuk Jeffry Kitingan, bekas anggota Dewan Undangan Negeri Parti Bersatu Sabah (PBS) bagi kawasan Bingkor ketika merujuk penganugerahan gelaran itu sempena lawatan Perdana Menteri ke Keningau baru-baru ini.

++ "Mudah sahaja...tanya pengundi adakah mereka suka dengan penggiliran jawatan Ketua Menteri? Adakah mereka mahu Sabah terus diperintah daripada Kuala Lumpur? Apakah mereka tidak mahu menerima RM300 setahun dividen Yayasan Sabah? Apakah mereka tidak mahu memiliki harta bernilai tidak kurang RM24,000 dengan menjadi pemilik bersama tanah konsesi Yayasan Sabah?" -- Pemangku Presiden parti Bersekutu Datuk Harris Salleh ketika memberi taklimat kepada jentera pilihan raya partinya bagi kawasan Ranau dan Kundasang semalam.

++ "Kita akan menghapuskan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri jika kita diberi peluang membentuk kerajaan negeri yang baru." -- Presiden PBS Datuk Joseph Pairin pada beberapa perhimpunan politik partinya.

-- BERNAMA  
AM MAI